

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SKW 200 -Kaedah-Kaedah Penyelidikan

Tarikh : 15 April 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 t/hari
[3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan dari enam (6) soalan-soalan berikut.

1. Apakah kepentingan membentangkan kertas cadangan projek penyelidikan? Apakah perkara-perkara pokok yang harus dikemukakan dalam kertas cadangan projek penyelidikan itu?
2. Operationalisasi adalah langkah terpenting dalam kaedah penyelidikan saintifik. Huraikan maksud operationalisasi dan kenapakah ianya dianggap langkah yang terpenting. Berikan contoh-contoh untuk mengukuhkan huraian anda.
3. Maklumat-maklumat dalam soalselidik belum bererti sehingga ianya dianalisa atau diproses. Maklumat-maklumat ini biasanya dipindahkan ke suatu tempat penyimpanan seperti storan komputer untuk memudahkan penganalisan.
 - [a] Terangkan langkah-langkah ATAU/DAN konsep-konsep yang perlu diikuti untuk mengalihkan maklumat-maklumat dari soalselidik ini kepada data dalam storan komputer.
 - [b] Bincangkan tiga cara (perisian/pakej) yang dapat melakukan tugas-tugas peralihan di atas.

ATAU

Bincangkan tiga tempat menyimpan data berkomputer.

...2/

4. [a] Percucian data dapat dilakukan dengan perisian pemprosesan data seperti SPSS. Bincangkan keupayaan dan had-had keupayaan ini.

[b] Dengan memberi contoh-contoh terangkan proses-prosesan SPSS ini:
 - [i] breakdown
 - [ii] T-test (Ujian T)

5. Di dalam menganalisa dan menginterpretasi data yang dikumpul untuk kajian sains sosial, tiga jenis persembahan iaitu persembahan univariat, bivariat dan multivariat digunakan. Apakah yang dimaksudkan dengan ketiga-tiga jenis persembahan ini dan berikan contoh dan cara menginterpretasikan data-data tersebut.

6. Kelemahan utama kaedah penyelidikan saintifik adalah kerana nilai dan pandangan alam (world-view) penyelidik mempengaruhi kajian yang dijalankan. Bincangkan.

- oooOooo -